



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebutharga yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

No. Sebutharga	JPPH: B2 BK (S) 175/8/2024
Tajuk	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN
Kod Bidang Pendaftaran	Setiap petender perlu berdaftar dengan: 1) CIDB - Gred G2. Kategori - CE dan pengkhususan - CE01 & CE21 2) Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) 3) Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kod Bidang yang berkaitan).
Syarat Permohonan Softcopy	1) Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	21 Februari 2024 (Rabu), 9.30 pagi (Dewan Delima, Institut Penilaian Negara)
Tarikh Tutup Sebutharga	28 Februari 2024, Jam 12.00 Tengahari Tawaran sebutharga yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan

2. Borang Sebutharga akan di emel secara percuma kepada firma yang hadir sahaja mulai pada 21 Februari 2024 hingga 28 Februari 2024. Hanya firma yang kompeten yang memenuhi syarat diatas sahaja dibenarkan untuk memasuki sebutharga ini dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

3. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

5. **Lawatan tapak adalah diwajibkan.** Adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga.

6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.